

Perokok hadapi risiko diserang penyakit serius: Dr Heric

KOTA KINABALU: Individu yang terus mengamalkan tabiat merokok sentiasa terdedah kepada pelbagai penyakit kronik di samping menghadapi risiko diserang penyakit berbahaya bila-bila masa dan di mana sahaja.

Pengarah Hospital Queen Elizabeth (HQE), Dr. Heric Corray, berkata perokok bukan sahaja terdedah kepada pelbagai penyakit malah terdedah kepada penyakit serius yang boleh membawa maut, seperti serangan jantung, strok, penyakit paru-paru dan pelbagai jenis kanser.

Tambahnya, merokok dalam apa jua bentuk sangat memudaratkan kesihatan.

"Bukti saintifik menunjukkan tembakau terutamanya rokok, mengandungi lebih 4,000 jenis racun dan merupakan faktor risiko yang sangat mengancam nyawa perokok selain menjejaskan kesihatan awam dan mengugat kesejahteraan masyarakat," katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Tanpa Tembakau dan Majlis Penghargaan Pelanggan Klinik Berhenti Merokok Peringkat HQE di Auditorium, Menara Berkembar HQE pada Khamis.

Heric menambah, kajian ekonomi kesihatan yang dijalankan lima tahun lalu menunjukkan bahawa anggaran kos rawatan bagi tiga jenis penyakit berpunca daripada tembakau iaitu sakit jantung, kanser paru-paru dan penyakit kerosakan paru-paru kronik mencecah lebih RM3 bilion setahun.

"Kejadian penyakit ini akan membawa kerugian besar dari aspek kos rawatan yang kian melambung tinggi, penurunan produktiviti dan hilang keupayaan bekerja selain kematian pramatang," katanya.

Beliau menambah, Program Minggu Tanpa Tembakau yang disambut setiap tahun bukan sekadar program untuk menggalakkan perokok berhenti merokok, sebaliknya bertujuan memberi kesedaran dan pendedahan kepada orang ramai khususnya warga hospital mengenai pentingnya pengetahuan dan kesan buruk pengaruh rokok kepada diri, keluarga, organisasi, masyarakat dan negara amnya.

"Pihak hospital turut menawarkan perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok bertempat di aras 1, Bangunan PGMC, HQE bagi individu yang ingin berubah dan menjauhi diri dari rokok.

"Perkhidmatan Klinik ini boleh didapati pada waktu pejabat setiap Isnin sehingga Jumaat. Statistik tahun 2016 menunjukkan



HERIC (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pelanggan yang berjaya berhenti merokok melalui Klinik merokok HQE.

lebih 31 perokok telah berjaya berhenti merokok hasil khidmat kaunseling dan rawatan klinik berkenaan," katanya.

Bagi mereka yang sedang berusaha berhenti merokok mahupun yang telah berhenti merokok, mereka digalakkan untuk menjauhi tempat, orang atau situasi di mana mereka boleh terdorong untuk merokok.

"Keputusan untuk berhenti merokok boleh menjadi proses yang panjang, sukar dan menguji daya ketahanan. Justeru anda masih dalam 'keadaan terdedah' sepanjang rawatan," jelas Heric.

Program Sambutan Hari Tanpa Tembakau dan Majlis Penghargaan Pelanggan Klinik Berhenti Merokok peringkat HQE turut diisi dengan ceramah perkongsian pengalaman menarik kalangan pelanggan klinik yang berjaya berhenti merokok melalui perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok hospital.

Hadir sama pada majlis Ketua Penolong Pengarah Pengurusan HQE, Jackson Taguah, Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kesihatan Negeri Ab. Razak Md. Noh, Nor-saadah Omar Ketua Unit Promosi Kesihatan, Ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan HQE.